



A screenshot of a news article from Sinar Harian. The title is "Status Tasik Chini masih boleh dipertahankan". Below the title, it says "NORAWAZNI YUSOF" and "27 JULI, 2022". There are two rating boxes labeled "A-" and "A+". A small photo of a woman is on the left. The main image is a landscape view of a lake surrounded by greenery. Below the image, the caption reads "Tasik Chini .. (Gambar dalam : Noor Jehan)". There is an advertisement for Google Ads with the text "IKLAN", "Iklan oleh Google", "Hantar maklum bata", and "Mengapa iklan ini?". The main text of the article states: "KUANTAN - Status Tasik Chini sebagai rizab biosfera Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) masih boleh dipertahankan."

Laporan Sinar Harian.

Status Tasik Chini: Pahang hantar laporan kepada UNESCO

NORAWAZNI YUSOF | | 27 Julai 2022

KUANTAN - Kerajaan Pahang sudah menghantar semua laporan yang diperlukan kepada Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi mengekalkan status Tasik Chini sebagai rizab biosfera.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, keputusan mengenai status itu akan diumumkan UNESCO selepas mereka menerima laporan tersebut.

Menurutnya, kerajaan Pahang bersedia melakukan penambahbaikan di Tasik Chini bagi memenuhi kriteria yang diperlukan untuk mengekalkan status terbabit.

"Perkara ini sebenarnya turut melibatkan kerjasama daripada kerajaan Pusat di mana di peringkat kerajaan Pahang, kita telahpun menghantar kesemua laporan yang diperlukan.

"Laporan sudah kita beri dan apa sahaja untuk penambahbaikan juga kita telah lakukan. Jadi apa-apa pun kita akan tunggu keputusan daripada pihak UNESCO sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang akhbar selepas majlis pelancaran Acara Pahang Ocean Paddle International Challenge 2022 bertempat di Kuantan 188 di sini pada Rabu.

Tasik Chini adalah tapak biosfera pertama di Malaysia mendapat pengiktirafan UNESCO diikuti Banjaran Crocker, Sabah (2014) dan Bukit Bendera, Pulau Pinang September tahun lalu.

Status rizab biosfera UNESCO Tasik Chini mendapat perhatian selepas sebuah portal media tempatan pada Ahad lalu melaporkan status itu kini dalam penelitian dan penemuan awal tidak menggalakkan.

Menurut tinjauan berkala pertama UNESCO mengenai Tasik Chini, tasik itu tidak lagi memenuhi kriteria untuk menjadi sebahagian daripada Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR) mereka.

Penemuan itu dibentangkan di Majlis Penyelarasan Antarabangsa UNESCO MAB pada September tahun lalu, tetapi diterbitkan untuk akses awam dua bulan kemudian.

Sesuatu kawasan yang dianggap rizab biosfera di bawah program tersebut tertakluk kepada semakan berkala setiap 10 tahun.

Pada Rabu, Pengurus Persatuan Pencinta Alam (MNS) Pahang, Noor Jehan Abu Bakar yakin kawasan Tasik Chini yang berkeluasan 6,922.97 hektar dapat dipertahan kerana semua penanaman semula dan pemulihian yang berjalan seperti dirancang.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/213376/EDISI/Status-Tasik-Chini-Pahang-hantar-laporan-kepada-UNESCO>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf